

**1 November 2009 (Ahad)**

## **Sabah&Sarawak: ATM naik taraf 187 kuarters**

### **Unit kediaman lama perlu diperbaiki untuk naik semangat anggota tentera**

KUCHING: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan menaik taraf kemudahan 187 blok kuarters anggotanya di Kem Penrissen kepada unit kediaman tiga bilik tidur bagi memastikan keselesaan keluarga mereka. Panglima Divisyen Pertama Infantri, Mej Jen Datuk Awie Suboh, berkata kuarters lama yang dibina pada 1974, perlu dinaik taraf secepat mungkin bagi menaik semangat anggota yang berjuang demi negara tidak luntur. "Buat permulaan empat blok telah dinaik taraf dari unit kediaman dua bilik kepada tiga bilik tidur lengkap dengan ruang tamu lebih besar, dua bilik air, kabinet dapur dan perabot rumah baru. "Kos keseluruhan menaik taraf empat blok ini adalah RM4.1 juta dengan kita sedang berusaha mendapatkan peruntukan tambahan bagi menaik taraf semua blok kediaman di Kem Penrissen secara berperingkat," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kepada Anggota ATM, di sini, semalam.

Awie berkata, Kem Penrissen yang wujud sejak 1974 mempunyai 7,000 penghuni pelbagai pangkat dengan jumlah 2,144 unit kediaman namun hanya 80 peratus unitnya dihuni manakala bakinya rosak atau kosong. "Usaha menaik taraf kuarters kediaman anggota ATM akan bermula di Kem Penrissen sebelum perhatian lanjut akan diberikan kepada di Kem Pakit, Sri Aman. "Sebelum ini keluarga anggota yang mempunyai anak ramai terpaksa bersesak kerana kuarters hanya mempunyai dua bilik." Beliau berkata, projek menaik taraf kediaman anggota ini di Kem Penrissen adalah yang pertama dilaksana di Sarawak dengan Markas Divisyen Pertama Infantri akan memohon peruntukan tambahan dari Kementerian Pertahanan.

"Walaupun pihak kami menghadapi kekangan kewangan, demi keselesaan anggota serta keluarga mereka kebajikan mereka harus dijaga. "Pujian harus diberikan kepada kontraktor kerana berjaya menyiapkan projek ini dalam masa yang ditetapkan bagi membolehkan permohonan lanjut bagi projek lain dibuat," Katanya, dari lima projek naik taraf yang diluluskan kerajaan, hanya projek di Sarawak berjaya disiapkan mengikut waktu yang telah ditetapkan. "Empat projek naik taraf yang tertangguh adalah di Tapah, Taiping, Kuala Lipis dan Kuala Terengganu," katanya.

## **1 November 2009(Ahad)**

### **2,000 kamera CCTV dipasang di Iskandar Malaysia akhir 2010**

JOHOR BAHRU: Sebanyak 2,000 kamera litar tertutup (CCTV) akan dipasang di Iskandar Malaysia dengan kos berjumlah RM41.4 juta menjelang akhir 2010. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata pemasangan kamera itu yang tersenarai dalam Pelan Induk Keselamatan dan Perlindungan Iskandar Malaysia bermatlamat menjadikan koridor itu sebagai bandar selamat sekali gus menjayakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam mengurangkan indeks jenayah jalanan sebanyak 20 peratus, pada akhir 2010. "Sebagai sebuah kawasan pembangunan futuristik, Iskandar Malaysia perlu meletakkan soal keselamatan dan ciri-ciri bandar selamat sebagai perkara utama.

"Ini membawa impak dan kesan langsung kepada kepercayaan pelabur, pelancong, warga asing dan rakyat negara ini sendiri untuk hidup aman dan selamat," katanya kepada media selepas majlis penyerahan bangunan dan peralatan Balai Polis Danga Bay, di sini semalam. Balai Polis Danga Bay yang beroperasi dalam rumah tradisional, Rumah Limas dikendalikan seorang anggota berpangkat sarjan dan dua anggota sokongan bersama tiga anggota dari bit polis. Hishammuddin berkata, selain CCTV, turut diberi penekanan dalam koridor itu penempatan polis bantuan membabitkan kos sebanyak RM7 juta serta 138 Pos Komuniti Polis (RM55 juta).

## **3 November 2009 (Selasa)**

### **Ganjaran baru kakitangan, jabatan cemerlang**



**NAJIB sambil diperhatikan Muhyiddin berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.**

## **Sistem mampu tingkat motivasi penjawat awam: PM**

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memperkenalkan sistem ganjaran yang lebih berkesan untuk kakitangan awam dan jabatan yang cemerlang selaras dengan pendekatan budaya prestasi tinggi dalam perkhidmatan awam, kata Datuk Seri Najib Razak. Perdana Menteri berkata, beliau bersama Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Jemaah Menteri sedang merangka kaedah sistem itu untuk diperkenalkan supaya benar-benar berkesan dan mampu meningkatkan motivasi penjawat awam. "Maknanya, kita tidak bertolak ansur terhadap salah guna kuasa dan mediokriti (sederhana) tetapi (pada masa sama) kita perlu beri ganjaran kepada prestasi tinggi.

"Mungkin Hari Kualiti kita tukar kepada Hari Inovasi, kita nak cuba gubal satu sistem ganjaran yang lebih bermakna lagi, bukan seperti sistem sebelumnya, menegak dan melintang, tidak berkesan sebab kita dah berpaktat, tahun ini giliran saya, tahun depan hangpa pulak... kalau macam itu tak jadi, jangan cakap tak berlaku, ia berlaku sebab saya tahu ia berlaku," katanya berucap pada perhimpunan bulanan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini, semalam.

Turut hadir Muhyiddin, Mohd Sidek dan menteri serta timbalan menteri di JPM. Beliau berkata, ganjaran kepada prestasi tinggi bukan terhad kepada perkhidmatan kaunter atau soal hubungan terus dengan rakyat sebaliknya lebih luas, contohnya jabatan yang kutipan cukai meningkat, jabatan yang berjaya dalam banyak pendakwaan atau jabatan yang menghasilkan sesuatu yang luar biasa dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D). "Ini semua terangkum dalam budaya prestasi tinggi yang saya harap kita dapat gubal satu sistem yang mana kita akan dapat memperkasakannya dalam pentadbiran awam dan kerajaan pada keseluruhannya," katanya.

Mengenai pegawai yang berada pada tahap sederhana, Najib berkata, ketua jabatan perlu menegur dengan baik dan berterus terang bahawa mutu kerjanya tidak sampai ke tahap yang boleh diterima supaya mereka berubah. "Bukan bererti bahawa kita nak marah atau campak fail, tidak, jemput ke bilik dan terang kepada dia (bahawa) kerja saudara atau saudari tak sampai pada tahap kualiti yang dikehendaki," katanya.

**3 November 2009 (Selasa)**

### **'Usah ulangi kesilapan pengurusan dana awam'**

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengingatkan kakitangan awam supaya tidak mengulangi kesilapan membabitkan pengurusan dana awam seperti teguran dalam laporan Ketua Audit Negara, baru-baru ini. Timbalan Perdana Menteri berkata, jika kesilapan seumpama itu masih diulangi, bermakna teguran Ketua Audit Negara itu tidak memberi kesan dan rakyat akan menganggap kerajaan tidak serius dalam membanteras penyelewengan. "Semua ketua jabatan dan agensi pada peringkat Pusat, negeri dan daerah perlu diingatkan bahawa teguran Ketua Audit Negara bukan sesuatu perkara biasa. Kalau kerap dibangkitkan dan masih berulang (kesilapan), mungkin rakyat kata kita (kerajaan) tidak serius.

"Kita tidak mahu laporan Ketua Audit Negara seolah-olah tidak diberi perhatian. Saya percaya laporan itu tidak boleh diabaikan dan berharap tindakan serta perkara yang didedahkan diberi perhatian serius. "Kalau tidak diberi perhatian langsung, mungkin kesilapan berulang dan ini nanti menunjukkan ia tidak diberi tumpuan sepenuhnya. Nanti orang kata langsung tidak ada tindakan terhadap pegawai yang melakukan kesilapan," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan Kementerian Pelajaran, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Ka Siong dan Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi; Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Dr Zulkarnain Awang dan Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom. Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, penjawat awam mesti memberi perhatian serius dalam segala urusan yang diamanahkan pada setiap tahun, lebih-lebih lagi untuk memastikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam kerajaan dicapai termasuk membabitkan Kementerian Pelajaran.

"Bukan mudah untuk mencapai NKRA yang ditetapkan kalau tidak diberi tumpuan khusus. NKRA dapat disempurnakan apabila menjalankan tugas dan tanggungjawab lebih daripada biasa. "Malah, saya berhasrat untuk melihat Kementerian Pelajaran menjadi kementerian terkemuka dengan mencapai hasil dan kejayaan cemerlang dalam NKRA," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Kementerian Pelajaran akan menggunakan Bajet 2010 sebanyak RM30 bilion untuk melahirkan tenaga dan modal insan bagi memenuhi permintaan semua sektor pekerjaan di negara ini. Katanya, kakitangan kementerian itu perlu memberi tumpuan kepada tugas yang diberikan dengan menunjukkan sikap lebih berdedikasi dan berkesan serta memberi fokus sepenuhnya bagi mencapai sasaran.

Muhyiddin turut menyerahkan Jalur Gemilang kepada kontinjen Malaysia yang menyertai Kejohanan World Robot Olympiad (WRO) 2009 di Pohang, Korea Selatan bermula dari 6 hingga 8 November ini.

**4 November 2009 (Rabu)**

## **Kontraktor Kelas E dapat kontrak**

KONTRAKTOR Kelas E kini turut menikmati manfaat daripada dasar kerajaan yang mewajibkan kontraktor utama projek bernilai lebih RM10 juta yang dikendalikan Jabatan Kerjaraya (JKR) mengagihkan sejumlah nilai kontrak kepada kontraktor kecil. Ini susulan langkah Kementerian Kerjaraya membuat beberapa penambahbaikan terhadap dasar itu yang dihentikan buat sementara waktu 7 Mei lalu berikutan beberapa masalah dalam pelaksanaannya. Menteri Kerjaraya, Datuk Shaziman Abu Mansor ketika mengumumkan perkara itu semalam berkata, di bawah mekanisme baru dasar itu, pengagihan kontrak tidak lagi dihadkan hanya kepada kontraktor Kelas F, tetapi diperluaskan meliputi kontraktor Kelas E. Skop kerja kontraktor Kelas F, katanya adalah bagi yang bernilai sehingga RM200,000, manakala Kelas E antara RM200,000 sehingga RM500,000.

Beliau berkata, kerja dan nilai kontrak yang akan diagihkan kepada kontraktor kecil pula ditentukan oleh JKR dan bukannya oleh kontraktor utama seperti sebelum ini. Katanya, peratusan nilai kontrak yang wajib diagihkan kontraktor utama kepada kontraktor kecil juga kini adalah lebih fleksibel, bergantung kepada keperluan dan kerumitan kerja berbanding sebelum ini yang ditetapkan pada kadar 10 peratus. Ia kini mungkin lebih daripada 10 peratus atau kurang dengan kadar maksimum adalah 15 peratus, katanya pada sidang media selepas merasmikan pembukaan Persidangan Pencapaian Penyelidikan Industri Pembinaan Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Penggerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Tan Sri Ir Jamilus Hussein; dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaraya, Datuk Thomas George. Shaziman berkata, pelaksanaan makanisme yang berkuat kuasa serta merta itu, bertujuan meningkatkan lagi keupayaan kontraktor kecil tempatan, supaya lebih kompetitif, berdaya saing dan berkemahiran tinggi. "Mekanisme baru ini juga bertujuan memberikan pendedahan kepada kontraktor kelas E dan F kepada pelaksanaan kerja lebih sistematik bagi membantu mereka mengharungi cabaran globalisasi dan liberalisasi. "Bagi kontraktor utama pula, ia akan mewujudkan permuafakatan di antara mereka dan kontraktor kecil dan yang paling penting, mekanisme baru ini dapat memastikan prestasi pelaksanaan projek tidak terjejas dan impak projek dapat dirasai oleh rakyat," katanya.

Shaziman berkata, sebelum ini wujud beberapa masalah yang mana skop kerja yang ditawarkan tidak sesuai dengan keupayaan dan kepakaran kontraktor Kelas F, justeru dengan kemasukan kontraktor kelas E ke dalam program ini, diharap semua kerja yang diberikan dapat diuruskan dengan lancar. Dasar pengagihan kontrak kepada kontraktor kecil itu diperkenalkan pada Mac 2008. Setakat ini 4,373 kontraktor Kelas F telah meraih manfaat daripadanya menerusi agihan kontrak bernilai RM860 juta.

**4 November 2009 (Rabu)**

**Minda Pengarang: KPI lebih berkesan baiki sistem ganjaran untuk penjawat awam**

USAHA kerajaan merangka sistem ganjaran baru yang lebih berkesan untuk kakitangan awam dan jabatan yang cemerlang memang tepat pada masanya. Sejajar usaha menerapkan budaya berprestasi tinggi, sistem baru itu diharap dapat menjadi pemangkin dan motivasi kepada penjawat awam meningkatkan mutu kerja. Ia juga harus mampu mengatasi kelemahan sistem sedia yang mempunyai ruang untuk dimanipulasi pihak tertentu. Kita harap kaedah baru yang diperkenalkan akan lebih sempurna khususnya dari segi penilaian bagi mengelak ada pihak masih merasakan ia tidak adil, lantas menyebabkan ramai yang kecewa. Sebenarnya, sistem merit yang digunakan ketika ini kurang sesuai kerana ia secara tidak langsung boleh menyuburkan budaya kronisme di kalangan penjawat awam, seterusnya menimbulkan keraguan dalam proses penilaian mutu kerja serta pemberian ganjaran. Menerusi sistem menegak dan melintang contohnya, ada pihak berpakat menggilirkan penilaian khidmat cemerlang di kalangan kelompok mereka saja. Gejala itu menyebabkan ada kakitangan dan yang memberi khidmat cemerlang tidak berpeluang menerima ganjaran setimpal dan lebih malang lagi, menggagalkan keseluruhan sistem itu yang bermatlamat mengiktiraf budaya kecemerlangan dalam sektor awam.

Dalam merumuskan sistem baru itu, elemen berteraskan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mungkin boleh diambil kira. Mekanisme KPI meletakkan sasaran khusus yang boleh diukur secara objektif sekali gus mengelak ia dipertikaikan. Pendekatan sedemikian juga sejajar dengan keseluruhan dasar pentadbiran semasa yang menjurus kepada keutamaan prestasi dalam segenap lapangan. Ia juga akan membolehkan skop penilaian pencapaian diperluaskan kepada bukan saja sesuatu bidang khusus atau soal hubungan langsung dengan rakyat semata-mata. Pendekatan berteraskan KPI akan membolehkan sesuatu jabatan contohnya, dinilai bersandarkan pencapaian dari segi kualitatif dan kuantitatif. Ini semua terangkum dalam budaya kerja berprestasi tinggi kerana ia memastikan penjawat awam di sesuatu kementerian, jabatan atau agensi dapat bekerja sebagai satu pasukan. Selain itu, sistem baru berkenaan juga harus menggariskan mekanisme yang lebih berkesan bagi menangani masalah penjawat awam yang culas melaksanakan tugas mereka. Ia harus mempunyai peruntukan yang jelas berhubung tindakan yang boleh dikenakan dan memastikan mereka yang diberi mandat memikul tugas itu, melaksanakan tanggung jawab mereka sebaik-baiknya. Ini penting kerana dalam pada kita sedia mengiktiraf penjawat awam yang menunjukkan budaya kerja cemerlang, kita juga harus sanggup bertindak memastikan pihak yang gagal melaksanakan tugas mereka dikenakan tindakan sewajarnya.

**4 November 2009 (Rabu)**

## **Koperasi hanya boleh kenakan empat jenis caj**

KUALA LUMPUR: Berkuat kuasa serta-merta, kerajaan menetapkan koperasi kredit hanya boleh mengenakan empat jenis caj terhadap peminjam, selepas 22 koperasi didapati mengenakan caj tidak munasabah dan terlampau tinggi sehingga mencecah kadar efektif 42.5 peratus. Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata empat caj itu ialah caj pemprosesan tidak melebihi RM100, duti setem RM10, kos insurans bergantung kepada jumlah dan jenis pinjaman, serta caj pelangsaian pinjaman pada kadar lima peratus daripada baki pinjaman yang belum diselesaikan.

"Lain-lain caj tidak dibenarkan, kecuali mendapat kebenaran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Jadi, koperasi kredit yang mengenakan caj selain empat dibenarkan, diarah menghentikannya serta-merta. "Jika masih ada koperasi kredit yang ingkar dengan mengenakan caj lain terhadap peminjam selepas ini, SKM mempunyai kuasa mengambil tindakan termasuk menggantung koperasi terbabit," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam. Hadir sama, Pengerusi Eksekutif SKM, Datuk Mangsor Saad.

Sejak kebelakangan ini, Ismail Sabri berkata, kementerian dan SKM menerima banyak aduan mengenai koperasi kredit mengenakan pelbagai caj tinggi terhadap peminjam mereka, malah disifatkan umpama 'along berdaftar atau berlesen'. Katanya, pemeriksaan SKM mendapati 22 koperasi kredit telah mengenakan pelbagai caj, termasuk caj perkhidmatan, komisen ejen dan yuran pemasaran. Mereka juga turut mengenakan cas seperti dana jualan, yuran perlindungan, yuran dokumentasi, bayaran guaman, caj pindahan wang, 'sinking fund' serta prabayaran, sekali gus menyebabkan kadar bayaran keluar kepada peminjam menjadi rendah.

"Sebagai contoh, apabila pelbagai caj dikenakan mencecah kadar sehingga 40 peratus, seorang anggota koperasi yang meminjam RM10,000 hanya akan memperoleh RM6,000," katanya. Beliau berkata, pihaknya memandang serius perkara berkenaan yang terpesong daripada tujuan sebenar penubuhan koperasi kredit iaitu membantu anggota mereka yang menghadapi masalah kewangan, dan memberi jaminan ia tidak akan berlaku lagi.

Ditanya tindakan diambil terhadap 22 koperasi kredit itu, katanya, keadaan itu berlaku kerana tiada peraturan jelas sebelum ini. "Garis panduan lebih jelas kini dikeluarkan dan kita ada 520 koperasi kredit di seluruh negara. "Saya tidak mahu 22 koperasi ini menjelaskan nama baik koperasi lain yang mengikut cara sebenar. "Koperasi terbabit mengambil dana luar, sama ada bank perdagangan, syarikat kewangan swasta atau syarikat untuk membiayai pinjaman yang mereka keluarkan dan ia didalangi ejen pemasaran yang mencari pelanggan secara agresif. "Pelanggan lazimnya pegawai kerajaan yang sudah hilang kelayakan meminjam daripada bank kerana disenarai hitam," katanya.

**4 November 2009 (Rabu)**

## **PM mahu projek bajet disegerakan**

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet Khas, Jumaat ini untuk membincangkan pelaksanaan projek pembangunan yang digariskan dalam Bajet 2010 bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya. Beliau berkata, mesyuarat khas Jemaah Menteri yang kali pertama seumpamanya diadakan itu akan turut dihadiri ketua jabatan. Katanya, mesyuarat antara lain akan menentukan tanggungjawab jabatan berkaitan untuk melaksanakan projek pembangunan yang digariskan dalam Bajet 2010 yang dibentangkan pada 23 Oktober lalu.

Beliau berkata mesyuarat itu juga akan menentukan hala tuju dan tanggungjawab jabatan tertentu dalam melaksanakan semua projek yang diumumkan itu. "Tidak pernah dibuat sebelum ini. Pada Jumaat ini saya memanggil mesyuarat khas Kabinet bersama semua ketua jabatan supaya kita akan tentukan apa langkah (dan) bidang tanggungjawab siapa dan siapa yang memantau tindakan susulan," katanya pada majlis makan malam Malam Bajet 2010, di Kementerian Kewangan di sini malam tadi.

Turut hadir Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah serta timbalan menteri, Datuk Chor Chee Heung dan Datuk Dr Awang Adek Hussin. Najib berkata semua langkah berkenaan bagi memastikan rakyat mendapat faedah terbaik daripada pembentangan Bajet 2010 yang digubal kerajaan. "Contohnya, saya beritahu Menteri Kesihatan (Datuk Seri Liow Tiong Lai) saya hendak lancarkan Klinik 1Malaysia pada minggu pertama Januari... jadi buatlah kerja dengan cepat," katanya.

Klinik 1Malaysia adalah konsep klinik komuniti yang dibentangkan Najib pada Bajet 2010 di kawasan bandar seperti klinik desa di luar bandar. Ia akan ditempatkan di kawasan perumahan dengan menyewa rumah kedai untuk memudahkan masyarakat setempat mendapatkan rawatan sakit biasa seperti demam, batuk dan selesema yang akan dibuka antara jam 10 pagi hingga 10 malam. Sebagai permulaan, 50 klinik dibuka di kawasan terpilih dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Najib juga berkata, beliau lega kerana Bajet 2010 diterima baik oleh rakyat dan Ahli Parlimen walaupun beliau tertanya-tanya reaksi orang ramai dan penganalisis ekonomi terhadap bajet sulungnya itu. Katanya, penyediaan Bajet 2010 juga agak sukar kerana pelbagai persekitaran dalaman dan luaran yang mencabar, sekali gus memberi kesan kepada penyediaannya. "Walaupun bajet sudah disiapkan, hati kecil saya dengar bisikan sama ada bajet itu akan diterima rakyat atau mendapat sambutan. Apa reaksi kerana ia dibentangkan kali pertama dan saya tidak dapat jangka apa reaksi rakyat, penganalisis dan pengkritik belanjawan negara," katanya.

**4 November 2009 (Rabu)**

## **Felda batal rancangan ladang sawit di Brazil**

FELDA tidak akan meneruskan rancangannya melabur dalam pembangunan ladang sawit di Brazil atas sebab-sebab teknikal, kata Pengurusnya Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor. Julai tahun lalu, Felda dilaporkan ditawarkan membangunkan tanah seluas 100,000 hektar di Manaus dan Tefe berhampiran sungai Amazon di Brazil bagi penanaman sawit. Ia dirancang dibangunkan anak syarikatnya, Felda Global Ventures Brazil Sdn Bhd (FGVB) secara usaha sama dengan syarikat negara itu, Braspalma.

FGVB dilaporkan akan memiliki 70 peratus kepentingan dalam usaha sama itu, manakala baki 30 peratus lagi dipegang Braspalma. Mengikut perancangan, syarikat usaha sama itu akan memajukan antara 3,000 hingga 5,000 hektar setahun, bermula dengan kawasan 20,000 hektar di Tefe sebelum mengembangkannya ke Manaus. Bagaimanapun agensi berita Reuters semalam melaporkan bahawa Felda telah menarik diri. Memetik sumber, laporan itu menyebut, Felda terpaksa berbuat demikian kerana ia adalah satu projek yang sukar yang mana kawasan yang ditawarkan terletak di kawasan yang terpencil dan pembangunannya akan membabitkan kos yang tinggi.

Menjelaskan perkara itu, Ketua Pengarah Felda, Datuk Dzulkifli Abd Wahab ketika dihubungi pula berkata, masalah teknikal itu termasuklah bekalan benih bermutu yang terhad dan keadaan tanah tidak sesuai. "Sebab utama ialah teknikal. Bahan penanaman tidak banyak. Nak bawa masuk dari Malaysia pula berkemungkinan tidak sesuai dengan persekitaran dan keadaan tanah di negara berkenaan. "Tambah pula keadaan tanah di Amazon adalah lebih rendah daripada aras sungai dan kita tidak boleh menambaknya kerana ia membabitkan kos yang tinggi," katanya.

Laporan itu Reuters itu juga menyebut, kos mengeluarkan setan minyak sawit di Brazil adalah sekali ganda daripada kos pengeluarannya di Malaysia iaitu sekitar RM800 hingga RM1,000. Minyak sawit mentah kini diniagakan sekitar RM2,191 setan.

**5 November 2009 (Khamis)**

## **Kesalahan PKFZ tidak ditutup**



**NAJIB bersalaman dengan ahli Kelab Bankers pada Majlis Bankers Club Business Luncheon Forum di Kuala Lumpur, semalam**

### **Petugas khas ambil kira laporan PAC sebelum tindakan susulan: Najib**

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan tidak akan menutup sebarang kelemahan dan kesalahan berkaitan Projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Perdana Menteri berkata, pasukan petugas khas untuk menyiasat isu PKFZ akan mengambil kira laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) sebelum tindakan susulan diambil. "Input daripada PAC akan diambil kira oleh pasukan petugas khas dan jika mereka bersedia untuk membuat syor, kerajaan akan mempertimbangkannya," katanya pada sidang media selepas melancarkan buku laporan tahunan 2008 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Parlimen, semalam.

Beliau berkata, pasukan petugas yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan sudah bermesyuarat pagi semalam bagi membin-cangkan perkara berkenaan. PAC di dalam laporannya mengenai PKFZ mengesyorkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis menyiasat bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy dan bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datin Paduka O C Phang membabit pecah amanah.

Berdasarkan laporan itu, kedua-dua mereka harus disiasat berhubung tiga surat sokongan yang dikeluarkan oleh Chan dan tiga surat aku janji dikeluarkan Phang tanpa kelulusan Kementerian Kewangan. Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tidak wajar bagi mana-mana pihak mempertikaikan cadangan PAC yang mengesyorkan SPRM dan polis menyiasat Chan dan Phang. Katanya, sebagai sebuah badan yang diperakui, PAC berhak membuat sebarang perakuan terhadap skandal PKFZ berdasarkan bukti yang ada.

"Pendirian kerajaan juga jelas iaitu mahu pihak yang terbabit dalam skandal itu disiasat sehingga ke peringkat akar umbi untuk mendapatkan kebenaran," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Akuakultur Asia Pasifik 2009 di sini, semalam.

**5 November 2009 (Khamis)**

## **Tanah PKFZ mahal**

### **LPK terpaksa bayar RM41.76 sekaki persegi**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) semalam melaporkan kos tanah bagi setiap kaki persegi dalam projek Pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) adalah RM41.76 iaitu 67 peratus lebih tinggi daripada harga RM25 ditetapkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Laporan itu menyatakan jika tanah bagi projek itu diperoleh mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960, kerajaan hanya perlu membayar RM442.13 juta dan menjimatkan sejumlah RM645.87 juta. Selain itu, kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun bagi bayaran balik tanah secara tertunda sebelum perjanjian jual beli ditandatangani Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datin Paduka O C Phang menyebabkan berlaku pengenaan caj dua kali. Ketika JPPH menetapkan harga tanah pada RM25 sekaki persegi, jabatan sudah mengambil kira faedah 7.5 peratus untuk bayaran balik tertunda selama 15 tahun.

PAC juga mendapati bahawa kelulusan kerajaan tidak diperoleh berhubung pengenaan kadar faedah itu. Pengenaan kadar faedah ini menyebabkan LPK perlu membayar kos pembelian tanah berjumlah RM1.088 bilion di samping faedah tambahan berjumlah RM730 juta menjadikan jumlah pembayaran RM1.818 bilion. Menurut laporan itu, Phang dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan gagal mematuhi arahan kerajaan dan Kementerian Kewangan dalam urusan perolehan tanah itu. Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan supaya tanah bagi projek diperoleh secara pengambilan balik mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 dan dibiayai melalui peruntukan Kementerian Pengangkutan dan kemudian disewa pajak kepada LPK, juga tidak dipatuhi.

Jawatankuasa itu juga mendapati tindakan Phang menandatangani perjanjian jual beli termasuk membangunkan infrastruktur bernilai RM1.088 bilion adalah menyalahi peraturan kewangan kerajaan kerana tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Tindakan Phang juga tidak selaras dengan kehendak Port Authorities Act 1963 yang menetapkan beliau perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah LPK terlebih dulu. Jawatankuasa itu turut mendapati pelantikan KDSB sebagai pemaju oleh LPK tidak dibuat secara teratur kerana Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Pengurus Besar LPK gagal mematuhi arahan Kementerian Kewangan. - Bernama

**6 November 2009 (Jumaat)**

## **Sentral: Prasarana lebih baik di PJ**

### **Datuk Bandar jamin bajet RM60.4j sampai kepada akar umbi**

PETALING JAYA: Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2010 memberi fokus kepada pembangunan prasarana dan kemudahan perbandaran dalam usahanya menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada masyarakat. Merealisasikan iltizam merancang pembangunan bandar raya sebagai lokasi tempat tinggal, belajar, bekerja dan berekreasi, MBPJ memikul tanggungjawab besar memastikan bajet berjumlah RM260.4 juta diagihkan mengikut keperluan. Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohamad Roslan Sakiman, berkata pentadbiran terbaik dan telus dalam menangani segala permasalahan rakyat adalah teras memastikan perkhidmatan sampai ke peringkat dasar sekali gus membolehkan semua golongan menikmati kemakmuran bandar raya ini.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, MBPJ akan bekerjasama dengan kerajaan negeri merancang pembaharuan bandar bersama perunding lalu lintas, pereka bentuk bandar serta perunding sosial, malah Bahagian Pembaharuan Bandar akan ditubuhkan untuk melicinkan tugas penyelaras. "Lokasi tumpuan pembaharuan bandar antaranya tapak perdagangan Seksyen 52, kawasan perindustrian Seksyen 13, Seksyen 51 dan Seksyen 51A selain tanah di kawasan sekitar yang dikenal pasti mempunyai potensi untuk dinaik taraf," katanya selepas pembentangan Bajet MBPJ 2010, di sini.

Sejajar matlamat memakmurkan Petaling Jaya, program memperluaskan Zon Bersih diteruskan dengan meningkatkan tahap kebersihan, memperbanyakkan tong sampah, melaksanakan penzonan semula kerja kutipan sampah dan menjalankan pemantauan bagi memastikan kontraktor dilantik menjalankan tanggungjawab. Roslan berkata, usaha menghijaukan kawasan menerusi penanaman pokok, menaik taraf landskap, mensyaratkan pemaju menyuburkan tanaman teduhan di kawasan perumahan sebelum diserah kepada majlis selain menaik taraf taman permainan. "Segala kemudahan prasarana sentiasa dalam pemantauan Majlis termasuk menaik taraf saliran, menurap semula, baik pulih gerai, pusat komuniti dan mengekalkan kehijauan dalam usaha mengelakkan masalah banjir kilat. "Kita turut bekerjasama dengan polis serta agensi berkaitan dalam menangani isu berkaitan keselamatan selaras hasrat memakmurkan Petaling Jaya," katanya.

Beliau berkata, dalam menjana hasil, MBPJ mengutip pendapatan daripada punca sedia ada termasuk meningkatkan penguatkuasaan dengan memantapkan tindakan penundaan kenderaan yang juga langkah mengurangkan kesesakan selain mengenakan yuran caj pembangunan serta sewaan tapak iklan luar. "Caj pembangunan dan iklan luar antara hasil baru namun majlis akan meneruskan belanja berhemat selain mengutamakan kebijakan mereka memerlukan khususnya golongan miskin bandar serta OKU supaya mereka dapat berdaya saing dalam menikmati pembangunan," katanya.

**6 November 2009 (Jumaat)**

## **Keterangan saksi isu PKFZ diambil**

### **SPRM akan jalankan siasatan teliti, telus tanpa lindungi mana-mana pihak**

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengambil keterangan beberapa saksi berhubung isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Menurut kenyataan SPRM semalam, siasatan hanya berkaitan elemen rasuah seperti penerimaan dan pemberian rasuah, mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu dan salah guna kuasa mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. "Perkembangan siasatan tidak boleh didedahkan kerana boleh mengganggu siasatan," kata kenyataan itu.

Selain itu, SPRM akan terus menjalankan siasatan teliti dan telus mengikut undang-undang tanpa melindungi mana-mana pihak. Sementara itu, Timbalan Pesuruhjaya SPRM, Datuk Abu Kassim Mohamed, berkata SPRM menyiasat semua aspek yang membabitkan jenayah rasuah atau salah guna kuasa dalam semua isu termasuk PKFZ.

Beliau mengesahkan SPRM memulakan siasatan sejurus menerima dokumen berkaitan PKFZ sebelum Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) membuat sebarang cadangan. Jawatankuasa itu kelmarin mengesyorkan supaya SPRM dan polis menyiasat bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy dan bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Paduka O C Phang membabitkan pecah amanah berhubung projek PKFZ.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata hasil siasatan PAC menggambarkan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan menangani isu berkenaan dan PAC adalah badan bebas yang boleh membuat keputusan sendiri tanpa terikat dengan mana-mana pihak. Ditanya sama ada beliau menyokong saranan PAC supaya siasatan dijalankan terhadap dua individu berkenaan, Ong berkata ia bukan isu sokong atau suka dengan perkembangan itu, sebaliknya komitmennya sebagai Menteri Pengangkutan.

**6 November 2009 (Jumaat)**

## **Kong Choy sedia beri kerjasama siasatan**

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy berkata beliau akan kembali segera dari luar negara bagi memberi kerjasama kepada pihak berkuasa berhubung siasatan skandal projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). "Saya bersedia memberi kerjasama bagi memberi penjelasan lanjut dan bantuan. Saya kini di luar negara dan akan pulang secepat mungkin. Saya harap kenyataan ringkas ini akan memperjelaskan sebarang spekulasi yang tidak wajar," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam kenyataan satu halaman itu, Chan berkata apabila beliau menjadi Menteri Pengangkutan pada 1 Julai 2003, urusan pembelian tanah bagi projek PKFZ sudah selesai dan beberapa kali menjelaskan secara terperinci termasuk di sidang Parlimen mengenai tiga surat yang dikeluarkannya itu. "Adalah paling malang perkara ini dibangkitkan semula. Saya telah nyatakan dalam perbicaraan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 29 Julai 2009 bahawa tiga surat yang saya ditandatangani itu sebenarnya surat sokongan dan bukan surat jaminan," katanya.

Chan memegang portfolio itu sehingga tahun lalu sebelum berundur daripada politik. "Ia juga pandangan oleh seorang peguam kanan Malaysia dan peguam diraja (Queen Counsel) yang terkenal. Saya tandatangan surat berkenaan berdasarkan kepercayaan ikhlas bahawa ia sebenarnya surat sokongan." Menurut Laporan PAC itu, kos tanah PKFZ bagi setiap kaki persegi adalah RM41.76, iaitu 67 peratus lebih tinggi daripada harga RM25 yang ditetapkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

## **6 November 2009(Jumaat)**

### **SPRM Pulau Pinang siasat tiga urus niaga bermasalah**

LANGKAWI: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang membuka kertas siasatan membabitkan sekurang-kurangnya tiga urus niaga yang dikenal pasti bermasalah oleh Laporan Ketua Audit Negara 2008, yang dikeluarkan baru-baru ini. Pengaruhnya, Datuk Latifah Md Yatim, berkata ia termasuk teguran Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang berhubung beberapa perbelanjaan yang dianggap mencurigakan bagi beberapa projek di Pulau Pinang. Difahamkan, dua urus niaga itu membabitkan pembelian komputer oleh Kolej Kemahiran Tinggi Mara serta penggantian tayar kenderaan milik kerajaan negeri yang dianggap mencurigakan.

Dua urus niaga lagi dikatakan membabitkan pembelian minyak yang tidak munasabah oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta penggunaan kad inden. "Buat masa sekarang, siasatan tertumpu kepada projek terbabit. Bagaimanapun, kita akan teliti jika ada projek lain yang turut mempunyai masalah mengikut bidang kuasa dan akta SPRM," katanya ketika ditemui pada Majlis Penutup Seminar Penguatkuasaan Undang-Undang Berintegriti Agensi Penguatkuasa Zon Utara 2009, di sini, semalam.

**6 November 2009 (Jumaat)**

## **Empangan Elektrik Hidro Bakun operasi akhir 2010**

EMPANGAN Elektrik Hidro Bakun di Sarawak dijangka memulakan pengeluaran 300 megawatt (MW) elektrik pada suku terakhir tahun depan, kata Zulkifle Osman, iaitu Pengarah Urusan Sarawak Hidro Sdn Bhd, syarikat yang memajukan projek berkenaan. Beliau berkata, projek itu dijangka siap menjelang akhir 2011, dengan mempunyai lapan unit penjana turbin elektrik hidro dengan jumlah kapasiti 2,400MW bagi dibekalkan ke Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Brunei dan Kalimantan. "Kerja menaikkan paras air di empangan itu akan bermula pada Januari tahun depan, bergantung kepada kelulusan kerajaan negeri dan ia dijangka mengambil masa lapan bulan. "Turbin pertama akan mula beroperasi apabila semua kawasan takungan air dipenuhi air. Menjelang masa itu, Empangan Elektrik Hidro itu akan menjana 300MW elektrik menjelang Oktober atau November tahun depan," kata Zulkifle dalam taklimat media di Kuching semalam.

Sarawak Hidro, sebuah anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan diberi tanggungjawab untuk memaju dan menguruskan Projek Elektrik Hidro sejak 1 Mei, 2000. Sebuah syarikat tujuan khas, yang pemegang sahamnya terdiri daripada Tenaga Nasional Bhd (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan kerajaan negeri Sarawak, akan ditubuhkan untuk mengendali Empangan Bakun secara pajakan.

Empangan Bakun adalah Projek Kuasa Hidro terbesar di Malaysia dengan kapasiti penjanaan 2,400MW. Ia terletak di Sungai Balui di lembangan Sungai Rejang, iaitu 37 km ke hulu bandar Belaga. Projek itu dilaksanakan dengan sokongan dasar kepelbagaiannya bahan api kerajaan persekutuan, dengan menyediakan sumber tenaga boleh diperbaharui dan bersih dan mensasarkan untuk menyumbangkan dengan ketara kepada usaha memenuhi peningkatan permintaan bagi elektrik.

Pengurus Besar Sarawak Hidro, Tan Yong Long, berkata pembinaan Empangan Bakun untuk menjana 2,400MW elektrik itu sudah 92.84 peratus siap setakat September lalu. Katanya, empangan itu dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir 2011, dan akan memerlukan penyambungan kabel elektrik dasar laut ke Semenanjung Malaysia. "Kabel dasar laut sepanjang 675 km itu akan menyambung Sematan di selatan Sarawak ke Tanjung Leman di Mersing, Johor, dan dijangka disiapkan pada 2016 untuk menyalurkan 1,700MW elektrik ke Semenanjung," katanya.

**9 November 2009 (Isnin)**

## **Timur: 'Baiki segera Kompleks LKIM Tok Bali'**

**Nelayan sukar daratkan hasil tangkapan apabila jeti dalam pembinaan rosak dilanda ribut**

PASIR PUTEH: Persatuan Nelayan Semerak meminta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) membaiki segera Kompleks LKIM di Tok Bali, dekat sini, yang mengalami kerosakan teruk akibat dilanda ribut awal bulan lalu. Pengerusinya, Datuk Mohd Jailani Jaafar, berkata kompleks berkenaan mengalami kerosakan teruk terutama pada bahagian bumbungnya dan kos membaikinya dijangka lebih RM2 juta. Katanya, persatuan meminta kerja membaiki itu dilaksanakan dengan segera bagi membolehkan nelayan menggunakan kompleks berkenaan yang dijangka mula beroperasi awal tahun depan.

"Kompleks ini penting kepada nelayan kerana sebelum ini mereka terpaksa mendaratkan ikan di mana-mana jeti dengan kemudahan yang amat terhad. "Sehubungan itu, persatuan meminta LKIM supaya bertindak segera membaiki kerosakan di kompleks itu bagi membolehkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan dengan selesa nanti," katanya.

Dalam kejadian awal bulan lalu, sebahagian besar bumbung kompleks yang bernilai hampir RM80 juta itu mengalami kerosakan, akibat diterbangkan ribut, namun tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan. Sementara itu, Pengarah LKIM Kelantan, Ab Llah Rashid, berkata perkara itu sudah dimaklumkan kepada ibu pejabat LKIM dan tindakan susulan untuk membaikinya akan dilakukan dalam tempoh terdekat. "LKIM menjangkakan kerosakan di kompleks itu akan dibaiki dengan segera setelah dimaklumkan ke ibu pejabat di Kuala Lumpur, mungkin sebelum akhir tahun ini. "Kos membaiki kerosakan kompleks itu dijangka tidak sampai RM2 juta dan LKIM menjangkakan ia akan siap sebelum boleh diserahkan untuk beroperasi tahun depan," katanya.

Beliau berkata, kompleks yang dibina melalui Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMK-8) itu, membabitkan tiga fasal dengan kos keseluruhan bernilai RM80 juta, adalah kompleks perikanan termoden di Pantai Timur. "Bangunan itu akan menempatkan beberapa kemudahan antaranya pejabat pentadbiran, pusat pemasaran, dewan peralatan termasuk aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan nelayan," katanya.

**10 November 2009 (Selasa)**

## **SPRM buka 41 fail Laporan Ketua Audit**

SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membuka 41 fail membabitkan siasatan jenayah dan kajian prosedur berhubung Laporan Ketua Audit Negara 2008, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz. Nazri berkata, beliau yakin SPRM akan melaksanakan tugasnya dengan profesional dan telus bagi membawa pihak terbabit ke muka pengadilan, jika terdapat bukti yang mencukupi. "Saya harap semua pihak bersabar dan memberi peluang kepada SPRM untuk melaksanakan tugas mereka dengan lancar tanpa sebarang tekanan," katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2010 di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, semua pihak tidak perlu meragui kesungguhan SPRM untuk mengambil tindakan berhubung pendedahan Laporan Ketua Audit Negara. "Ini dibuktikan pada tahun lalu, seramai 15 orang dituduh di mahkamah atas 94 pertuduhan. "Di samping itu, sebanyak 18 laporan tata tertib dan surat nasihat sudah dikeluarkan kepada jabatan," katanya.

Sementara itu, Nazri berkata, satu memorandum Jemaah Menteri sedang disediakan berkenaan cadangan penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia yang akan dipengerusikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong. "Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan undang-Undang, Jabatan Peguam Negara akan terbabit sama dalam jawatankuasa itu," katanya.

**10 November 2009 (Selasa)**

## **Surat - EPerolehan tak berfungsi, caj CDC tingkatkan kos kerajaan**

SAYA merujuk artikel Rejal Arbee disiarkan Berita Harian pada 5 November lalu bertajuk 'Teguran laporan ketua audit wajar ada tindakan susulan.' Apa yang menarik perhatian ialah kaedah ePerolehan yang dikatakan penulis menyediakan proses pembelian lebih telus, cekap dan berkesan yang boleh dibuat secara talian oleh jabatan dan agensi kerajaan. Itulah objektif asal ePerolehan yang memudahkan agensi kerajaan membuat perolehan. Namun realitinya, sistem ini tidak berfungsi seperti itu. Tiada carian boleh dibuat untuk melihat tawaran harga bagi pembekal dan akhirnya perolehan masih secara manual dan kaedah biasa di luar talian. Istilah perolehan 'di atas talian' hanya bagi pembekal yang berdaftar dalam sistem ePerolehan bagi kelulusan perolehan.

Namun, produk atau perkhidmatan disediakan tidak dapat dipaparkan bagi membolehkan ia diakses agensi untuk membuat perolehan. Apabila sistem tidak berfungsi seperti diharapkan, peluang dan ruang untuk berlaku ketidaktelusan terus berlaku. Sebagai penjawat awam yang melaksanakan ePerolehan dalam pengurusan kewangan awam, saya dapati sistem ini 'indah khabar daripada rupa'.

Kaedah perolehan masih secara manual hanya proses pengeluaran Pesanan Tempatan yang dilakukan secara ePerolehan. Ini bagi membolehkan pihak pengendali Commerce Dot Com (CDC) mengenakan caj 0.8 peratus daripada nilai harga setiap perolehan yang dilakukan jabatan kerajaan. Perkara sebegini sudah tentu meningkatkan perbelanjaan. Bayangkan jika perolehan awam keseluruhan RM10 juta dan melalui ePerolehan, CDC secara mudah memperoleh RM80,000.

Bukankah ini meningkatkan kos dan perbelanjaan awam. Pihak pembekal sudah pasti meningkatkan kos 0.8 peratus pada margin keuntungan, katakan margin mereka 30 peratus maka bagi menyerap kos itu margin mereka menjadi 31 peratus. Saya berpendapat Jabatan Audit Negara perlu melakukan auditan ke atas cara kerja dan proses ePerolehan bagi memastikan kecekapan perolehan diperbaiki dengan melihat kelemahan sistem yang dibangunkan kerajaan. Kementerian Kewangan juga perlu mengkaji semula sistem ePerolehan supaya dilaksanakan sejajar dengan matlamat asal dan bukan sekadar memberi ruang serta peluang kepada pihak pengendali mengenakan caj perkhidmatannya, sebaliknya kerajaan pula gagal mendapat manfaat.

**PENJAWAT AWAM INTEGRITI**, Labuan.

**11 November 2009 (Rabu)**

### **Johor tidak pernah abai pengurusan hutan: MB**

JOHOR BAHRU: Johor tidak pernah mengabaikan pengurusan hutannya dan mematuhi dasar ditetapkan bagi mengelak pembalakan haram dan pencerobohan hutan negeri itu, kata Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman. Sehubungan itu, Abdul Ghani menyangkal Laporan Audit Negara 2008 yang mendapati pengurusan hutan di Johor kurang memuaskan. Katanya, Johor menggunakan dasar pembalakan hutan secara mampan melalui penebangan sistematik, pada kuota 2,500 hektar setiap tahun, sejak 20 tahun lalu.

Beliau berkata, penebangan hutan mengikut kawasan itu dilakukan menerusi proses tender terbuka dan Jabatan Perhutanan Johor mengenal pasti, selain memeriksa kawasan hutan sebelum kawasan terbabit ditender. "Kita patuh pada kuota dan tidak melebihi kuota ini... malah ada kalanya kurang daripada itu," katanya kepada sidang media pada majlis Menandatangani Perjanjian Pelaksanaan Sistem e-PBT antara kerajaan negeri, 15 pihak berkuasa tempatan (PBT) dan MSC Cyberport Sdn Bhd di Pusat Persidangan Antarabangsa Johor (Persada Johor), di sini, semalam.

Laporan Ketua Audit Negara mendapati pengurusan hutan di Kelantan, Pahang, Johor dan Sarawak kurang memuaskan. Antara faktor pembalakan haram, pembalakan di kawasan hutan simpan atau taman negara serta kawalan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan. Abdul Ghani berkata, mengikut amalan penebangan itu, kawasan akan pulih menjadi hutan asal dalam tempoh antara 20 hingga 30 tahun datang.

Menyentuh faktor pencerobohan dikatakan menyumbang kepada pengurusan hutan kurang memuaskan itu, katanya, perkara itu tidak berlaku, sekali gus tidak wajar menjadi faktor penyumbang kepada laporan itu. Katanya, penebangan hutan yang berlaku sebelum ini membabitkan tanah kerajaan yang boleh dibangunkan dan hutan simpan kekal berkeluasan kira-kira 175,000 hektar bagi pembangunan 72 skim Felda, Felcra dan Kejora.